

**Berbelanja sambut Aidilfitri secara berhemah - FOMCA**

Oleh Awatif Hasani - April 14, 2022 @ 9:15am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Peniaga kuih, Fatin Farhana Ahmad Jamili (kiri) melayan pelanggan yang membeli kuih-muih di gerainya bagi persiapan menyambut Hari Raya di Bazar Aidilfitri Jalan Tun Abdul Rahman, Kuala Lumpur. - Foto HAIRUL ANUAR RAHIM

KUALA LUMPUR: Pola perbelanjaan umat Islam menyambut Aidilfitri tahun ini akan meningkat berikutan ramai yang akan pulang beraya di kampung selepas dua tahun negara berdepan pandemik COVID-19.

Bendahari Agung Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), T Saravanan, berkata mereka dinasihatkan supaya berbelanja secara berhemah, elak pembaziran dan menyediakan simpanan wang untuk kecemasan.

"Mereka pastinya mahu menyambut Aidilfitri dengan meriah bersama keluarga dan saudara mara dan sudah tentu mahu mahu membeli kuih, baju baru selepas dua tahun tidak dapat beraya bersama keluarga di kampung.

"Paling utama dalam meraikan hari raya ini, jangan berhutang semata-mata membuat persiapan menyambut raya. Perkara ini boleh menyebabkan masalah pada kewangan. Kalau boleh sambutlah secara sederhana mengikut kemampuan perbelanjaan masing-masing.

"Dalam masa yang sama, harga barang juga meningkat bukan disebabkan masalah tempatan tetapi berpunca isu yang melanda dunia sekarang seperti peperangan Russia Dan Ukraine selain kenaikan caj pengangkutan antarabangsa yang tinggi," katanya.

Sementara itu, tinjauan di Jalan Tuanku Abdul Rahman, di sini mendapati orang ramai mula membuat persiapan raya pada minggu kedua Ramadan.

Perunding kewangan, Nadiah Nordin, berkata beliau sebelum ini sering ke situ untuk membeli pelbagai barangan menyambut Aidilfitri.

"Sepanjang dua tahun lalu memang belum berpeluang datang ke sini untuk membeli persiapan raya, tetapi tahun ini kami bersemangat nak sambut Aidilfitri selepas negara mula memasuki Fasa Peralihan Endemik.

"Namun, sebelum berbelanja, memang kami akan rancang betul-betul supaya bajet tidak lebih. Kita faham situasi sekarang, kena berbelanja berhati-hati, beli apa yang patut dan berpatutan sebab harga barang mula meningkat sekarang," katanya.

Pekerja swasta, Noorhashimah Omar, berkata memang menjadi pilihan setiap tahun membuat persiapan raya di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman.



Pengunjung, Nurul Nabila Mohd Roslan memilih kerongsang yang dijual dengan harga RM6 untuk satu dan RM10 bagi sepasang di Bazar Aidilfitri Jalan Tun Abdul Rahman, Kuala Lumpur. - Foto HAIRUL ANUAR RAHIM

"Aidilfitri tahun ini sangat dinantikan, boleh berbelanja lebih untuk keluarga di kampung sebab rentas negeri pun sudah dibenarkan. Tetapi kena ada perancangan dalam berbelanja supaya tidak berlebihan sebab nak balik kampung lagi pun memerlukan kos yang banyak," katanya.

Peniaga biskut raya, Fatin Farhanah Ahmad Jamili, berkata orang ramai mula berbelanja membuat persiapan Aidilfitri sejak minggu lalu.

"Alhamdulillah jualan sangat memuaskan. Pada tahun 2020 apabila negara dilanda pandemik COVID-19, kali tidak dapat berniaga dan tidak mempunyai pendapatan manakala tahun kedua (2021) kami dibenarkan berniaga tetapi jualan masih tidak meningkat sebab banyak prosedur perlu dipatuhi menyebabkan pelanggan susah bergerak memilih barang," katanya yang sudah 18 tahun berniaga.



Sebahagian pengunjung yang membeli belah bagi persiapan menyambut Hari Raya di Bazar Aidilfitri Jalan TAR, Kuala Lumpur. - Foto HAIRUL ANUAR RAHIM